

17 MAR 1997

Mahathir-taman

DR MAHATHIR TIBA DI TAMAN NEGARA

JERANTUT, 17 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Taman Negara di sini dalam rangka lawatan dua hari ke Pahang.

Dr Mahathir yang ditemani isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali disambut dengan kumpulan bunga manggar dan penduduk kampung Kuala Tahan.

Sebagai tanda kenangan, Perdana Menteri kemudian menanam pokok ara beringin (ficus benjamina) di hadapan chalet tempat beliau menginap.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob serta beberapa menteri.

Malam ini Perdana Menteri akan diraikan dalam majlis makan malam.

Pagi esok beliau akan merasmikan "canopy walkway", satu laluan berteduh, sepanjang 450 meter di Taman Negara.

Sebelum itu di PEKAN, Dr Mahathir meluangkan masa lebih sejam untuk meninjau destinasi pelancongan Tasik Cini.

Beliau dan Dr Siti Hasmah diiringi Khalil, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri.

Sebaik tiba di Kompleks Kuala Sungai Cini, Perdana Menteri dan rombongan berjalan ke tapak empangan untuk mendengar taklimat pembinaan empangan yang disampaikan oleh Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, Mohd Yusoff Johor.

Beliau kemudiannya menaiki bot dari jeti Sungai Cini dan meninjau persekitaran sungai dan tasik berkenaan.

Rombongannya berlepas ke Taman Negara dengan helikopter. -- BERNAMA
ROS MAI